



CUKUP-CUKUPLAH orang Melayu dijangkiti penyakit dengki, dendam dan bermusuhan sesama sendiri. Sampai bila maruah Melayu terus diperkotak-katik akibat pemimpinnya terlalu berpolitik? - GAMBAR HIASAN



KOMENTAR ZUL BAKAR



zulkifleebakar@gmail.com

Demi membela maruah Melayu

SELEPAS Himpunan Penyatuan Ummah (HPU) di Kuala Lumpur pada 14 September lalu yang menyaksikan detik bersejarah Pas dan UMNO menandatangani Piagam Muafakat Nasional, esok 6 Oktober (2019) orang Melayu akan berhimpun di Stadium Malawati, Shah Alam pula.

Jika HPU antara agenda utamanya mahu memperkasakan kembali kuasa politik Melayu bagi memelihara maruah orang Melayu, di Shah Alam pula misinya hampir sama tetapi melalui pendekatan berbeza.

Empat buah universiti tempatan akan bergabung menganjurkan Kongres Maruah Melayu iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Ia turut akan disertai Persatuan Peguam Muslim Malaysia.

Walaupun pelbagai andaian dibuat berhubung penganjuran kongres berkenaan termasuk ia bermotifkan politik, penulis berlapang dada untuk menyokong penganjurannya asalkan ia demi kepentingan Melayu. Atas sebab itulah penulis berasa mual apabila ada antara pemimpin Pakatan Harapan (PH) walaupun berstatus 'suam-suam kuku' dalam politik menyatakan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad akan menyampaikan amanat di kongres itu berikutan

ancaman golongan 'munafik' yang menyebarkan fitnah dan provokasi untuk mengancam perpaduan negara.

BERJIWA BESAR SOKONG

Kenapakah mahu dikaitkan dengan politik, jika benar kongres tersebut tidak mempunyai motif politik? Bukanlah Ketua Eksekutif Sekretariat Kongres Maruah Melayu, Prof. Zainal Kling secara tegas menafikan kongres itu menjadi alat politik mana-mana parti?

Sepatutnya orang Melayu tidak kira daripada kelompok manapun perlu menghadirinya, tidak mahu menyokong apa yang diputuskan oleh kongres tersebut, itu soal kedua, yang penting berjiwa besar seperti mana Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Sampai bilakah orang Melayu harus berpecah belah kerana berbeza ideologi politik sehingga mahu menghadiri kongres berkaitan kepentingan kaum itu pun bak kata seorang kawan, 'dok fikir soal keuntungan politik'.

Sama ada kongres itu akan memberi keuntungan politik kepada sesiapa, terpulang kepada rakyat milailanya. Jangan perkecilkkan kemampuan rakyat untuk membuat penilaian sama ada sesuatu perkara itu bermotif politik atau tidak. Apa yang penting usahlah awal-awal lagi membuat andaian bukan-bukan sehingga akhirnya ia akan memberi peluang kepada pihak lain untuk mengambil kesempatan melemahkan orang Melayu.

Cukup-cukuplah orang Melayu dibaluti dan dijangkiti penyakit dengki, dendam dan bermusuhan sesama sendiri. Tidak perlu hipokrit, akui sahaja kuasa politik orang Melayu selepas PRU-14 semakin lemah. Akibat kelemahan itulah ia memungkinkan ada pihak yang 'naik tocang', kadang kala tindak tanduk mereka seolah-olah orang Melayu tidak ada maruah. Mereka bertindak sesuka hati tanpa mengambil kira perasaan orang Melayu.

RASISKAH?

Apabila orang Melayu bersuara dan cuba menegakkan kepentingan mereka, akan ada pihak yang akan menuduh ia bersifat rasis atau perkauman, tetapi kalau pihak berkenaan bercakap mengenai kaum mereka ia dianggap demokrasi dan hak asasi.

Justeru sampai bilakah maruah Melayu akan terus dibiar diperkotak-katikkan hanya disebabkan mereka berpecah akibat kejahilan dalam berpolitik?

Memetik kenyataan Zainal Kling, "kebanyakannya persoalan mula muncul bukan sahaja merendahkan Melayu tetapi mempersoalkan kedudukan Raja-raja Melayu dan merendahkan Islam. Persoalan kebudayaan seperti bahasa, seni dan sebagainya yang segala ini mencabar kedudukan kedudukan termaktub dalam Perlembagaan Malaysia...ia bukan sahaja ingin mencabar, bahkan menjatuhkan dan

meremehkan."

Berikutnya itulah empat universiti bergabung tenaga mengadakan kongres tersebut dengan tujuan, "membela balik maruah Melayu yang sedang tercabar dan tercalar."

Orang Melayu secara keseluruhan perlu melihat penganjuran kongres itu secara positif. Usah terlalu banyak membuat spekulasi dan mewujudkan persepsi. Cubalah bertanya dan berfikir, kalaularah kaum lain menganjurkan kongres seumpama itu, adakah dalam kalangan kaum mereka yang akan mengkritik, mengecam atau memburuk-burukannya. Penulis yakin ia tidak akan berlaku walaupun sehebat manapun perbezaan politik antara mereka.

SIAPA LEBIH BIJAK BERPOLITIK?

Hakikatnya mereka jauh lebih bijak berpolitik berbanding orang Melayu. Bagi mereka, selagi apa yang dilakukan bertujuan membela kaum sendiri, sudah pasti mereka akan mengetepikan apa juga perbezaan. Tetapi orang Melayu seolah-olah tidak matang berpolitik, kita amalkan politik 'lebai malang - menang sorak kampung tergadai', 'marahkan nyamuk kelambu dibakar' serta dendam kesumat.

Mungkin ada yang tidak senang dengan apa yang diperkatakan, tetapi inilah hakikatnya. Kalaularah pemimpin-pemimpin Melayu terus bertelagah, siapakah yang akan membela nasib orang Melayu? Tidak bolehkah untuk

“

Kalaularah pemimpin-pemimpin Melayu terus bertelagah, siapakah yang akan membela nasib orang Melayu? Tidak bolehkah untuk sekian kalinya, satu program yang bertujuan membela nasib orang Melayu seperti Kongres Maruah Melayu diterima dengan jiwa besar?

sekian kalinya, satu program yang bertujuan membela nasib orang Melayu seperti Kongres Maruah Melayu diterima dengan jiwa besar?

Penulis akhiri artikel ini dengan memetik satu mesej yang diterima daripada seorang sahabat yang mengulas mengenai kongres tersebut. Katanya, "Pada saya tagline 'asal Melayu', ketepikanlah perbezaan, sedarilah kuasa Melayu semakin menyusut, kesan kepada generasi akan datang. Tuntutan perdamaian dan penyatuan adalah tuntutan Islam yang mengatasi tuntutan semua parti atau kumpulan. Islam menuntut berdamai dan Melayu itu Islam."

Kesimpulannya, kalaupun ingin mempolitikkan sesuatu, lakukan ia secara bermaruah, sebelum kejahilan kita berpolitik menyebabkan orang Melayu dilayan bagaiakan tiada maruah!